

Sila baca Helaian Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menyertai M-Zahra PA Care Takaful. Sila pastikan juga anda membaca terma dan syarat am.

1. Apakah produk ini?

Produk ini memberi pampasan kepada Individu yang dilindungi jika beliau mengalami kecederaan anggota badan akibat tindakan ganas, kemalangan yang tidak disengajakan, secara luaran dan jelas kelihatan.

2. Apakah konsep Syariah yang diguna pakai?

Produk ini menggunakan konsep Syariah berikut:

- Hibah** merujuk kepada pemindahan hak milik atas satu aset dari penderma kepada penerima tanpa sebarang pertimbangan. Di bawah produk ini, manfaat yang dibayar dari Dana Takaful Am ("DTA") adalah berdasarkan Hibah. Sebahagian lebihan boleh dibahagikan yang dikreditkan ke dalam DTA akan diagihkan kepada peserta yang layak dalam bentuk pulangan tunai berdasarkan Hibah. Penerima boleh menerima manfaat yang dibayar di bawah produk ini jika penerima adalah seorang penerima di bawah Hibah bersyarat.
- Ju'alah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak menawarkan ganjaran tertentu kepada pihak lain yang berjaya mencapai hasil yang telah ditetapkan. Di bawah produk ini, peserta membenarkan Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [No. Pendaftaran: 201701032316 (1246486-D)] ("Kami" atau "Takaful Malaysia") untuk menerima sebahagian daripada lebihan boleh agih daripada DTA sebagai insentif prestasi atas pencapaian Takaful Malaysia dalam menguruskan DTA yang menghasilkan lebihan tersebut.
- Qard** merujuk kepada kontrak pemberian pinjaman wang oleh pemberi pinjaman kepada peminjam di mana peminjam itu perlu membayar balik jumlah yang setara kepada pemberi pinjaman. Di bawah produk ini, Takaful Malaysia akan meminjamkan sejumlah wang kepada DTA tanpa faedah sekiranya DTA mengalami defisit.
- Tabarru'** bermaksud derma untuk tujuan kebajikan. Di bawah produk ini, peserta menderma sebahagian sumbangan kepada DTA untuk membantu peserta lain. Tabarru' berkuat kuasa apabila anda menyumbang kepada DTA.
- Wakalah** merujuk kepada kontrak di mana satu pihak, sebagai prinsipal memberi kuasa kepada satu pihak yang lain sebagai wakilnya untuk melaksanakan tugas tertentu dalam hal-hal yang boleh diwakilkan, dengan atau tanpa mengenakan upah. Di bawah produk ini, peserta memberi kuasa kepada Takaful Malaysia untuk menguruskan DTA dan sebagai balasannya, Takaful Malaysia akan menerima yuran Wakalah.

3. Apakah perlindungan / manfaat yang disediakan?

Produk ini melindungi:

Manfaat	Pelan Siddiq (RM)	Pelan Iltizam (RM)	Pelan Fatanah (RM)	Pelan Amanah (RM)	Pelan Afdhal (RM)	Pelan Takwa (RM)
Kematian Akibat Kemalangan & Keilatan Kekal	50,000	100,000	150,000	200,000	250,000	300,000
Perbelanjaan Penghantaran Pulang	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000
Perbelanjaan Pengebumian	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000	3,000
Manfaat Mingguan untuk Keilatan Menyeluruh Sementara	100	150	200	250	300	350
Perbelanjaan Perubatan	3,000	4,000	5,000	6,000	7,000	8,000
Elaun Hospital Harian (Setiap hari dan sehingga maksimum 30 hari)	50	75	100	125	150	175
Yuran Ambulans	200	200	200	200	200	200
Kecederaan Akibat Diragut	500	1,000	1,500	2,000	2,500	3,000
Pembelian Peralatan Orthopedik	500	1,000	1,500	2,000	2,500	3,000

Nota:

Tempoh perlindungan adalah untuk setahun. Anda perlu memperbaharui sijil anda setiap tahun.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Takaful Malaysia atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

4. Berapakah jumlah sumbangan yang saya perlu bayar

Jumlah sumbangan tahunan yang anda perlu bayar mungkin berbeza, bergantung kepada pelan yang dipilih.

Sumbangan Tahunan* / Pelan		Siddiq Pelan (RM)	Iltizam Pelan (RM)	Fatanah Pelan (RM)	Amanah Pelan (RM)	Afdhal Pelan (RM)	Takwa Pelan (RM)
Kelas 1	Termasuk Manfaat Mingguan	75	135	200	265	330	395
	Tanpa Manfaat Mingguan	60	110	170	225	280	335
Kelas 2	Termasuk Manfaat Mingguan	130	235	345	450	555	660
	Tanpa Manfaat Mingguan	110	210	305	400	500	595

Tertakluk kepada sumbangan minimum RM60.00.

**Kadar di atas adalah tidak termasuk 8% Cukai Perkhidmatan dan RM10 duti setem.*

5. Apakah yuran dan caj yang saya perlu bayar?

Jenis	Amaun
Yuran Wakalah	45% daripada sumbangan termasuk: - Komisen – 15% (jika berkenaan) - Perbelanjaan Lain – 30%
Duti Setem	RM10.00
Cukai Perkhidmatan	8% dari sumbangan dibayar

6. Apakah sebahagian daripada terma dan syarat penting yang patut saya ketahui?

Beberapa terma dan syarat utama yang patut anda ketahui ialah:

a) Tanggungjawab Pendedahan

Kontrak Takaful Pengguna

Menurut Perenggan 5 daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan 2013, jika anda memohon Takaful ini sepenuhnya untuk tujuan yang tidak berkaitan perdagangan, perniagaan atau profesion, anda mempunyai kewajipan untuk mengambil langkah yang munasabah untuk tidak membuat pernyataan yang salah dalam menjawab soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini). Anda dikehendaki menjawab soalan dalam Borang Cadangan ini dengan lengkap dan tepat. Kegagalan untuk mengambil langkah yang munasabah dalam menjawab soalan berkenaan, mungkin mengakibatkan pembatalan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah diteruskan sehingga kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Sebagai tambahan kepada soalan-soalan di dalam Borang Cadangan (atau semasa memohon Takaful ini), anda dikehendaki untuk mendedahkan apaapa perkara lain yang anda tahu akan mempengaruhi keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma yang dikenakan. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan serta-merta jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami (atau semasa permohonan Takaful ini), apa-apa maklumat yang dinyatakan dalam Borang Cadangan tidak tepat atau sudah berubah.

Kontrak Takaful Komersial

Menurut Perenggan 4(1) daripada Jadual 9 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, jika anda memohon Takaful ini untuk tujuan yang berkaitan dengan perdagangan, perniagaan atau profesion anda, anda mempunyai kewajipan untuk mendedahkan sebarang perkara yang anda tahu adalah berkaitan dengan keputusan kami dalam menerima risiko dan menentukan kadar dan terma terpakai dan apa-apa perkara yang seseorang yang munasabah dalam keadaan itu boleh dijangka tahu sebagai relevan, jika tidak, ia boleh mengakibatkan pengelakan kontrak Takaful anda, penolakan atau pengurangan tuntutan anda, perubahan terma atau penamatan kontrak Takaful anda. Kewajipan pendedahan di atas hendaklah berterusan sehingga masa kontrak Takaful anda dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami. Anda juga mempunyai kewajipan untuk memberitahu kami dengan segera jika pada bila-bila masa selepas kontrak Takaful anda telah dimeterai, diubah atau diperbaharui dengan kami mana-mana maklumat yang diberikan dalam Borang Cadangan (atau semasa anda memohon Takaful ini) adalah tidak tepat atau telah berubah.

- b) **Perubahan Risiko** – anda mesti memaklumkan syarikat atau ejen anda secara bertulis terhadap sebarang perubahan penting yang berlaku sepanjang tempoh sijil supaya pindaan yang wajar akan disahkan ke dalam sijil anda.
- c) **Ekses** – adalah jumlah kerugian pertama yang perlu anda tanggung sekiranya berlaku tuntutan.
- d) **Had Umur** – Sijil ini tidak melindungi orang yang berumur di bawah enam belas (16) tahun atau lebih daripada enam puluh lima (65) tahun melainkan ia boleh diperbaharui sehingga usia tujuh puluh (70) tahun.

7. Apakah pengecualian utama bagi produk ini?

Produk ini tidak melindungi beberapa kerugian tertentu, seperti:

- i) Sukan berbahaya – luncur air, polo, memburu, aktiviti memanjat gunung menggunakan tali, tinju, gusti, perlumbaan selain daripada menggunakan kaki;
- ii) Perlumbaan atau melibatkan diri dalam pandu uji kelajuan dan kenderaan;
- iii) Kecacatan fizikal atau penyakit mental sedia ada;
- iv) Membunuh diri/kecederaan sendiri;
- v) Jangkitan atau penyakit;
- vi) Mabuk akibat alkohol atau dadah;
- vii) Kehamilan atau keguguran atau melahirkan anak;
- viii) Bahaya perang atau permusuhan saudara /serumpun;
- ix) Ketika melakukan perkara jenayah;
- x) Risiko berkaitan nuklear; dan/atau
- xi) Sebarang acara/aktiviti lain yang dilarang/bertentangan dengan Syariah.

Nota:

Senarai di atas adalah tidak lengkap. Sila rujuk kepada sijil untuk senarai pengecualian yang lengkap bagi produk ini.

8. Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Anda boleh membatalkan sijil anda pada bila-bila masa dengan memberi notis bertulis kepada kami. Walau bagaimanapun, anda tidak akan mendapat pemulangan daripada sumbangan yang telah dibayar.

9. Apakah yang perlu saya buat sekiranya terdapat perubahan dalam butiran peribadi saya?

Adalah penting untuk anda mengemas kini dalam portal *myTakaful* Customer atau memaklumkan kepada kami sekiranya terdapat sebarang perubahan ke atas maklumat untuk dihubungi bagi memastikan semua urusan surat-menyurat sampai kepada anda pada masa yang ditetapkan.

10. Dimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai PA Takaful, hubungi kami atau mana-mana cawangan atau daripada ejen kami atau anda boleh merujuk kepada buku panduan insurans mengenai 'Takaful PA', boleh didapati di semua cawangan kami atau layari www.insuranceinfo.com.my.

Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Unit Khidmat Pelanggan (CSU)

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad [201701032316 (1246486-D)]

Tingkat 27, Blok Annex,

Menara Takaful Malaysia,

No. 4, Jalan Sultan Sulaiman,

50000 Kuala Lumpur.

Tel: 1-300 88 252 385

Faks: 603 - 2274 0237

Emel: csu@takaful-malaysia.com.my

Laman web: takaful-malaysia.com.my

11. Jenis-jenis perlindungan lain yang sama dan boleh didapati.

Sila rujuk kepada laman web, cawangan atau ejen kami untuk mendapat maklumat mengenai perlindungan lain yang sama yang boleh didapati.

NOTA PENTING:

ANDA DINASIHATKAN UNTUK AMBIL MAKLUM JADUAL MANAFAAT BAGI KEMATIAN DAN HILANG UPAYA KEKAL AKIBAT KEMALANGAN DALAM SIJIL DAN ANDA MESTI MELANTIK PENAMA DAN PASTIKAN PENAMA ANDA TAHU TENTANG SIJIL YANG TELAH ANDA SERTAI. ANDA PERLU MEMBACA DAN MEMAHAMI PRODUK INI DAN BERBINCANG DENGAN EJEN ATAU HUBUNGI KAMI TERUS UNTUK MAKLUMAT LANJUT.

Syarikat Takaful Malaysia Am Berhad adalah dilesenkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan diselia oleh Bank Negara Malaysia.

Maklumat yang dinyatakan dalam Helaian Penerangan Produk ini adalah berkuat kuasa pada Mac 2024.